

10 NOV 1999
Fadzil-Pilihan Raya
PAS TIDAK TERKEJUT PEMBUBARAN PARLIMEN ESOK

ALOR SETAR, 10 Nov (Bernama) -- PAS tidak terkejut dengan pembubaran Parlimen esok bagi membolehkan pilihan raya umum ke-10 diadakan pada bulan ini atau pun bulan hadapan.

Presiden PAS Datuk Fadzil Noor hari ini berkata, parti itu sebelum ini memang telah menjangkakan pilihan raya akan diadakan dalam masa yang terdekat ini dan telahpun meramalkan kemungkinan antara September dan Disember.

Pada sidang media sempena pengumuman pembubaran Parlimen esok, Fadzil turut menyatakan beberapa alasan menyebabkan kerajaan terpaksa membubarkan Parlimen dan pilihan raya itu diadakan sekarang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed hari ini mengumumkan pembubaran Parlimen berkuatkuasa esok yang disiarkan secara langsung dari Putrajaya oleh stesen televisyen tempatan.

Sebelum sidang media itu, Fadzil bersama-sama Ketua Pemuda PAS Pusat Mahfuz Omar, anggota Jawatankuasa Kerja PAS Pusat Azizan Abdul Razak dan Setiausaha Perhubungan PAS Kedah Mustafa Long serta 24 wartawan media tempatan turut menyaksikan pengumuman pembubaran Parlimen itu di kaca televisyen di ibu pejabat PAS Kedah, di sini.

Fadzil berkata pembubaran Parlimen terpaksa dibuat kerana kerajaan tersepit dengan janji yang dibuat semasa pembentangan belanjawan negara baru-baru ini yang menurutnya tidak termampu ditunaikan mereka.

"Jadi bagi mengelakkan daripadanya, pembubaran Parlimen dibuat semasa perbincangan belanjawan diadakan dan pembentangan belanjawan yang baru terpaksa diadakan selepas pilihan raya nanti," katanya.

Beliau berkata, pembentangan belanjawan tersebut hanya janji manis kerajaan untuk mengadakan pilihan raya dalam masa terdekat ini.

Selain itu, beliau berkata kerajaan takut untuk mengadakan pilihan raya selepas Januari tahun hadapan kerana selepas tarikh itu daftar pengundi baru akan diterima pakai.

Katanya, majoriti pengundi-pengundi baru seramai hampir 650,000 terdiri daripada golongan muda dan kerajaan pimpinan Barisan Nasional sendiri tidak ada keyakinan bagi meraih sokongan daripada golongan terbabit.

-- BERNAMA
MN RHM